

BN tolak Permas terima LDP, Akar

KUALA LUMPUR, Isnin — Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini menerima secara rasmi permohonan Parti Keadilan Rakyat (Akar) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) dari Sabah menyertai BN.

Bagaimanapun, Majlis Tertinggi BN menolak permohonan Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (Permas) untuk menyertainya, manakala permohonan Ikatan Masyarakat Islam yang berpusat di Terengganu, ditangguhkan sementara waktu bagi membolehkan perkara itu dirundingkan terlebih dahulu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, permohonan Permas ditolak berdasarkan perlembagaan BN yang menyatakan ia tidak boleh menerima parti baru jika ada parti komponen tidak setuju dengan kemasukannya.

"Mengikut undang-undang tubuh BN, jika ada parti komponen BN tidak bersetuju dengan kemasukan parti baru, maka BN tidak boleh menerima," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi BN di sini malam ini.

Ditanya berapa parti komponen yang menolak permohonan Permas, Perdana Menteri berkata: "Mungkin lebih daripada satu."

Mengenai sebab penolakan Permas, beliau menjelaskan, perkara itu tidak dibincangkan kerana ia berasaskan persetujuan atau penolakan parti komponen sahaja.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebab penolakan permohonan parti baru tidak penting kerana ia terpulang kepada mana-mana parti komponen untuk menjelaskannya atau tidak.

Menurutnya, ia juga selaras dengan konsep keahlian Komanwel, iaitu jika ada anggota Komanwel tidak bersetuju dengan kemasukan negara baru atau negara yang sudah disingkirkan, ia tetap ditolak walaupun satu negara anggota membantah tanpa perlu memberi alasan.

Mengenai sebab penerimaan parti baru ke dalam BN, Perdana Menteri berkata: "Kita lebih tumpu kepada bangkangan sahaja. Kalau tidak ada bangkangan kita terima. Tak perlu beri alasan banyak-banyak."

Berhubung kedudukan Ikatan Masyarakat Islam, beliau berkata, Majlis Tertinggi BN akan menemui pemimpin parti itu untuk menjelaskan keadaan sebenar. Dengan ini BN ada 12 parti komponen.

Mengenai pilihanraya kecil di Kelantan yang akan diadakan bulan depan serta penentuan tarikh pilihanraya negeri Sarawak, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat malam ini.

Dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata BN membincangkan secara umum prestasinya dalam pilihanraya umum lalu serta kedudukan selepas itu.

"Kita mendapati penerimaan rakyat kepada BN semakin meningkat. Sebab itu ramai yang berminat menjadi anggota BN," katanya.

Sementara itu, Presiden Akar, Datuk Mark Koding yang turut hadir buat pertama kali dalam mesyuarat malam ini, melahirkan rasa lega kerana permohonan partinya menyertai BN diterima secara rasmi.